

**PELAKSANAAN AL-RAHNU DI INSTITUSI PERBANKAN  
DAN BUKAN PERBANKAN DI MALAYSIA**

**Oleh**

**AZIZAH BINTI OTHMAN**

Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Doktor Falsafah

FEBRUARI 2015

## PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah s.w.t. yang di tangannya segala sesuatu, Tuhan Yang Maha Esa Lagi Maha Berkuasa, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan taufik dan *'inayah*-Nya tesis ini dapat disempurnakan. Sekalung penghargaan buat Prof. Madya Dr. Atikullah Abdullah, guru yang banyak membimbing, memberi semangat dan mencurahkan idea kepada penyelidik sehingga terhasilnya tesis ini. Segala bimbingan, tunjuk ajar, perhatian dan komitmen yang diberikan sangat membantu akademik penyelidik.

Jutaan terima kasih juga untuk Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Prof. Madya Dr. Hajar Abdul Rahim, para pensyarah dan kakitangan sokongan kerana sudi memberi kerjasama kepada penyelidik untuk menyiapkan kajian ini. Penghargaan ditujukan kepada Dekan Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia, Prof. Madya Dr. Asmadi Mohamed Naim, para pensyarah dan kakitangan sokongan kerana sentiasa memberi dorongan dan peluang kepada penyelidik untuk menyiapkan kajian ini dan mencapai pengajian ke tahap ini. Juga kepada sahabat-sahabat di USM dan UUM.

Seterusnya penyelidik merakamkan jutaan penghargaan kepada pihak-pihak yang telah membantu menjayakan penyelidikan ini. Mereka terdiri dari pegawai-pegawai *al-rahnu* di Kedai *al-rahnu* Kelantan, *al-rahnu* MAIDAM Terengganu dan *al-rahnu* Bank Rakyat. Tidak lupa juga kepada tenaga akademik universiti dan tokoh-tokoh agama yang memberi kerjasama dan maklumat mengenai bidang kajian penyelidik. Juga kepada pustakawan-pustakawan yang tidak pernah jemu membantu penyelidik sepanjang tempoh kajian ini.

Penghargaan yang tidak terhingga ditujukan kepada kaum keluarga, ayahanda al-Marhum Othman Abdul, bonda al-Marhumah Maizon Ahmad, kekanda dan adinda-adinda serta semua saudara mara yang dikasihi kerana sentiasa mendorong dan mendoakan kejayaan penyelidik. Penghargaan yang teristimewa kepada suami tercinta Hamzah Ismail, permata hati Muhammad Aisar Huzaifi dan Muhammad Atif Husaini kerana banyak berkorban, bersabar, mendorong dan mendoakan penyelidik sepanjang menyiapkan kajian ini.

Akhirnya, penghargaan ditujukan kepada semua yang terlibat dan memberi kerjasama secara langsung atau tidak langsung kepada penyelidik. Semoga Allah s.w.t. menerima segala kebaikan yang diberi dan mengurnia ganjaran pahala yang besar dalam kehidupan kalian. Penyelidik memohon jutaan kemaafan di atas ketidaksempurnaan yang terdapat dalam tesis ini, semoga ianya menjadi momentum ke arah penerokaan ilmu kurniaan Allah s.w.t. yang maha luas ini.

*Jazakumullah khair al-jaza', amin.*

AZIZAH BINTI OTHMAN

(S-HD 0016/05 (R))

Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan

Universiti Sains Malaysia

11800 Pulau Pinang

## KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
PENGHARGAAN	ii
KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	x
SENARAI SINGKATAN	xi
SENARAI LAMPIRAN	xiii
JADUAL TRANSLITERASI	xiv
ABSTRAK	xvi
ABSTRACT	xviii
<b>BAB 1       PENDAHULUAN</b>	
1.1    Pengenalan	1
1.2    Latarbelakang Kajian	2
1.3    Pernyataan Masalah	7
1.4    Objektif Kajian	12
1.5    Kepentingan Kajian	13
1.6    Skop Kajian	14
1.7    Kajian Terdahulu	18
1.8    Metodologi Kajian	29
1.9    Struktur Pengkajian Tesis	43
1.10   Kesimpulan	44
<b>BAB 2       KONSEP AL-RAHNU DAN AKAD YANG DIAPLIKASI</b>	
2.1    Pengenalan	45
2.2    Pengertian konsep <i>al-rahnu</i>	45
2.2.1   Definisi Dari Segi Bahasa	46
2.2.2   Pengertian Istilah Syarak	48
2.2.3   Hukum dan Pensyariaan <i>al-rahnu</i>	51

2.2.4	Rukun dan Syarat <i>al-rahnu</i>	56
2.3	Falsafah pelaksanaan <i>al-rahnu</i>	58
2.3.1	Falsafah Keadilan	58
2.3.2	Falsafah Harta	60
2.3.3	Falsafah Tanggungjawab Manusia	61
2.4	Elemen-elemen penting berkaitan <i>al-rahnu</i>	62
2.4.1	Lafaz kontrak	62
2.4.2	Kelayakan penggadai dan pemegang gadai	63
2.4.3	Upah simpan	64
2.4.4	Barang gadaian	65
2.4.5	Syarat hutang	66
2.4.6	Perlanjutan tempoh gadaian	68
2.4.7	Penjualan barang gadaian	68
2.5	Kontrak-kontrak yang digunakan oleh institusi-institusi <i>al-rahnu</i> di Malaysia	69
2.5.1	<i>al-Qard al-Hasan</i>	70
2.5.2	<i>al-Wadiah yad dhamanah</i>	74
2.5.3	<i>al-Rahnu</i>	76
2.5.4	<i>al-Ujrah</i>	77
2.6	Hubungan <i>al-rahnu</i> dengan <i>al-Qard al-Hasan</i>	79
2.7	Hubungan <i>al-rahnu</i> dengan <i>al-Ujrah</i>	79
2.8	Hubungan <i>al-rahnu</i> dengan <i>al-Wadiah yad dhamanah</i>	81
2.9	Pengurusan dan jaminan <i>al-rahnu</i>	82
2.10	Penamatan kontrak <i>al-rahnu</i>	84
2.11	Kesimpulan.	89

## **BAB 3**

## **PELAKSANAAN AL-RAHNU DI MALAYSIA**

3.1	Pengenalan	89
3.2	Sejarah Pajak Gadai dan <i>al-rahnu</i> di Malaysia	91
3.2.1	Sejarah Pelaksanaan Pajak gadai	91
3.2.2	Sejarah Pelaksanaan <i>al-rahnu</i>	96
3.3	Objektif Pelaksanaan <i>al-rahnu</i> di Malaysia	100
3.4	Undang-undang yang digunakan dalam <i>al-rahnu</i>	105
3.5	Institusi-institusi <i>al-rahnu</i> di Malaysia	112
3.6	Modus Operandi <i>al-rahnu</i> di Malaysia	119
3.7	Perbezaan <i>al-rahnu</i> dan gadaian konvensional	122
3.8	Pencapaian dan prestasi <i>al-rahnu</i> di Malaysia	130
3.9	Isu dan cabaran dalam pelaksanaan <i>al-rahnu</i> di Malaysia	131
3.10	Kesimpulan	135

#### **BAB 4            PELAKSANAAN AL-RAHNU DI INSTITUSI PERBANKAN DENGAN BUKAN PERBANKAN**

4.1	Pengenalan	136
4.2	Pelaksanaan <i>al-rahnu</i> MAIDAM	
4.2.1	Pengenalan	137
4.2.2	Sejarah Penubuhan <i>al-rahnu</i> MAIDAM	138
4.2.3	Objektif penubuhan <i>al-rahnu</i> MAIDAM	139
4.2.4	Struktur organisasi dan pentadbiran	142
4.2.5	Modus Operandi yang digunakan	143
4.2.6	Keselarasn operasi <i>al-rahnu</i> dengan syariah	148
4.2.7	Kelebihan <i>al-rahnu</i> MAIDAM	149
4.2.8	Isu dan cabaran	153
4.2.9	Prestasi terkini <i>al-rahnu</i> MAIDAM	154
4.2.10	Persepsi Pelanggan <i>al-rahnu</i> MAIDAM	156
4.2.11	Kesimpulan	165
4.3	Pelaksanaan <i>al-rahnu</i> KAR	

4.3.1	Pengenalan	166
4.3.2	Sejarah Penubuhan <i>al-rahnu</i> KAR	167
4.3.3	Objektif penubuhan <i>al-rahnu</i> KAR	170
4.3.4	Struktur organisasi dan pentadbiran	172
4.3.5	Modus Operandi yang digunakan	174
4.3.6	Keselarasn operasi <i>al-rahnu</i> dengan syariah	180
4.3.7	Kelebihan <i>al-rahnu</i> KAR	182
4.3.8	Isu dan cabaran	184
4.3.9	Prestasi terkini <i>al-rahnu</i> KAR	186
4.3.10	Persepsi Pelanggan <i>al-rahnu</i> KAR	187
4.3.11	Kesimpulan	196
4.4	Pelaksanaan <i>al-rahnu</i> di Bank Rakyat	
4.4.1	Pengenalan	197
4.4.2	Sejarah penubuhan Bank Rakyat	198
4.4.3	Sejarah penubuhan <i>al-rahnu</i> di Bank Rakyat	200
4.4.4	Objektif penubuhan <i>al-rahnu</i> di Bank Rakyat	207
4.4.5	Modus Operandi yang digunakan	209
4.4.6	Keselarasn operasi dengan syariah	219
4.4.7	Kelebihan <i>al-rahnu</i> di Bank Rakyat	221
4.4.8	Isu dan cabaran	225
4.4.9	Prestasi terkini <i>al-rahnu</i> di Bank Rakyat	227
4.4.10	Persepsi Pelanggan <i>al-rahnu</i> Bank Rakyat	229
4.4.11	Kesimpulan	238

**BAB 5 ANALISIS PERBANDINGAN TERHADAP PELAKSANAAN AL-RAHNU DI INSTITUSI PERBANKAN DENGAN BUKAN PERBANKAN**

5.1	Pengenalan	239
5.2	Analisis Perbandingan terhadap objektif penubuhan	240
5.3	Analisis Perbandingan terhadap struktur organisasi	242
5.4	Analisis Perbandingan terhadap konsep <i>al-rahnu</i>	243
5.5	Analisis Perbandingan keselarasn operasi dengan syariah	247

5.5.1	Analisis terhadap lafaz kontrak	247
5.5.2	Analisis terhadap kelayakan penggadai dan pemegang gadai	249
5.5.3	Analisis terhadap upah simpan	252
5.5.4	Analisis terhadap barang gadaian	257
5.5.5	Analisis terhadap syarat hutang	260
5.5.6	Analisis terhadap tempoh gadaian	262
5.5.7	Analisis terhadap penjualan barang gadaian	264
5.6	Analisis Perbandingan terhadap prestasi <i>al-rahnu</i>	267
5.7	Analisis Perbandingan terhadap persepsi pelanggan	268
5.8	Kesimpulan	272

## **BAB 6 RUMUSAN DAN CADANGAN**

6.1	Pengenalan	273
6.2	Hasil dapatan Kajian	273
6.3	Cadangan dan Saranan	282
6.3.1	Kerajaan	282
6.3.2	Institusi yang terlibat	286
6.3.3	Masyarakat	289
6.3.4	Cadangan Kajian berkaitan	290
6.4	Kesimpulan	293

<b>BIBLIOGRAFI</b>	295
--------------------	-----

## **LAMPIRAN**

## **SENARAI JADUAL**

<b>No. Jadual</b>	<b>Halaman</b>
Jadual 3.1: Jumlah Pajak Gadai Mengikut Negeri di Malaysia Tahun 2013	114
Jadual 3.2: Aktiviti Kawalselia Mengikut Jenis Pajak Gadai	119
Jadual 3.3: Kategori <i>al-rahnu</i> dan perbezaan upah simpan	120
Jadual 3.4: Kaedah Pengiraan Kadar Faedah Pajak Gadai Konvensional	121
Jadual 3.5: Tempoh Gadaian <i>al-rahnu</i>	122
Jadual 3.6: Jenis barang gadaian, jumlah pinjaman dan tempoh matang	129
Jadual 4.2.5: Kadar Upah Bulanan MAIDAM	147
Jadual 4.2.10.1: Taburan jantina responden	157
Jadual 4.2.10.2: Taburan umur responden	158
Jadual 4.2.10.3: Taburan status perkahwinan responden	158
Jadual 4.2.10.4: Taburan tahap pendidikan responden	159
Jadual 4.2.10.5: Taburan jenis pekerjaan responden	160
Jadual 4.2.10.6: Taburan pendapatan bulanan responden	161
Jadual 4.2.10.7: Taburan faktor-faktor bergadai	162
Jadual 4.2.10.8: Min tahap kepuasan pelanggan dan kualiti perkhidmatan	163
Jadual 4.2.10.9: Kategori Kualiti Perkhidmatan MAIDAM	164
Jadual 4.2.10.10: Kategori Tahap Kepuasan Pelanggan MAIDAM	164
Jadual 4.3.1: Kadar upah simpan <i>al-rahnu</i> KAR	176
Jadual 4.3.2: Proses Lelongan di KAR	178
Jadual 4.3.10.1: Taburan jantina responden	188
Jadual 4.3.10.2: Taburan umur responden	189
Jadual 4.3.10.3: Taburan status perkahwinan responden	189
Jadual 4.3.10.4: Taburan tahap pendidikan responden	190
Jadual 4.3.10.5: Taburan jenis pekerjaan responden	191
Jadual 4.3.10.6: Taburan pendapatan bulanan responden	192
Jadual 4.3.10.7: Taburan faktor-faktor bergadai	193
Jadual 4.3.10.8: Min tahap kepuasan pelanggan dan kualiti perkhidmatan	194
Jadual 4.3.10.9: Kategori Kualiti Perkhidmatan <i>al-rahnu</i> MAIDAM	195
Jadual 4.3.10.10: Kategori Tahap Kepuasan Pelanggan <i>al-rahnu</i> MAIDAM	195
Jadual 4.4.5.1: Kelayakan Individu untuk bergadai di <i>al-rahnu</i> Bank Rakyat	209
Jadual 4.4.5.2: Jumlah Had Pinjaman	211
Jadual 4.4.5.3: Mutu dan Kandungan Emas	212
Jadual 4.4.5.4: Upah simpan <i>al-rahnu</i> Bank Rakyat	214
Jadual 4.4.9: Pengeluaran dan Baki Pinjaman 2006-2011	228
Jadual 4.4.10.1: Taburan jantina responden	230
Jadual 4.4.10.2: Taburan umur responden	231
Jadual 4.4.10.3: Taburan status perkahwinan responden	231
Jadual 4.4.10.4: Taburan tahap pendidikan responden	232
Jadual 4.4.10.5: Taburan jenis pekerjaan responden	233
Jadual 4.4.10.6: Taburan pendapatan bulanan responden	234
Jadual 4.4.10.7: Taburan faktor-faktor bergadai	235
Jadual 4.4.10.8: Min tahap kepuasan pelanggan dan kualiti perkhidmatan	236
Jadual 4.4.10.9: Kategori Kualiti Perkhidmatan <i>al-rahnu</i> Bank Rakyat	237
Jadual 4.4.10.10: Kategori Tahap Kepuasan Pelanggan <i>al-rahnu</i> Bank Rakyat	238
Jadual 5.2: Analisis Perbandingan terhadap objektif penubuhan	241



Jadual 5.3:	Analisis Perbandingan terhadap struktur organisasi	242
Jadual 5.4:	Analisis Perbandingan terhadap konsep-konsep yang diaplikasi	244
Jadual 5.5.1:	Analisis terhadap lafaz kontrak	247
Jadual 5.5.2:	Analisis terhadap kelayakan penggadai	250
Jadual 5.5.3:	Analisis terhadap upah simpan	252
Jadual 5.5.4:	Analisis terhadap barang gadaian	258
Jadual 5.5.5:	Analisis terhadap syarat hutang	261
Jadual 5.5.6:	Analisis terhadap tempoh gadaian dan lanjutan	262
Jadual 5.5.7:	Analisis terhadap penjualan barang gadaian	264
Jadual 5.6:	Analisis perbandingan terhadap prestasi <i>al-rahnu</i>	267
Jadual 5.7.1:	Perbezaan min skor tahap kepuasan pelanggan antara <i>al-rahnu</i>	269
Jadual 5.7.2:	Perbezaan min skor kualiti perkhidmatan antara <i>al-rahnu</i>	271

## SENARAI RAJAH

	<b>Halaman</b>
Rajah 1.1: Rekabentuk Kajian	42
Rajah 3.1: Objektif Pelaksanaan <i>al-rahnu</i> di Malaysia	104
Rajah 4.1: Struktur Organisasi MAIDAM	140
Rajah 4.2: Struktur Organisasi <i>al-rahnu</i> MAIDAM	141
Rajah 4.3: Prosedur Gadaian di <i>al-rahnu</i> MAIDAM	145
Rajah 4.4: Struktur Organisasi Permodalan Kelantan Berhad	172
Rajah 4.5: Struktur Organisasi <i>al-rahnu</i> KAR	173
Rajah 4.6: Prosedur Gadaian di <i>al-rahnu</i> KAR	179
Rajah 4.7: Struktur Organisasi dan Pentadbiran <i>al-rahnu</i> Bank Rakyat	207
Rajah 4.8: Struktur Organisasi <i>al-rahnu</i> Bank Rakyat, Kota Bahru	208
Rajah 4.9: Prosedur Gadaian di <i>al-rahnu</i> Bank Rakyat	218

## SENARAI SINGKATAN

Ab.	Abdul
ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
BIBD	Bank Islam Brunei Darussalam
BIMB	Bank Islam Malaysia Berhad
BMMB	Bank Muamalat Malaysia Berhad
BNM	Bank Negara Malaysia
Bhd.	Berhad
Bil.	Bilangan
c.	Cetakan
DEB	Dasar Ekonomi Baru
Dr.	Doktor
ed.	Editor
<i>et al.</i>	<i>et alii/alia</i> (dan lain-lain yang melebihi dua)
hlm.	Halaman
H	Hijrah
INCEIF	<i>International Centre for Education in Islamic Finance</i>
IDB	<i>Islamic Development Bank</i>
IRTI	<i>Islamic Research and Training Institute</i>
JPIT	Jabatan Perbankan Islam dan Takaful
Jil.	Jilid
juz.	Juzuk
KAR	Kedai al-rahnu Kelantan
KPKNK	Koperasi Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Kedah
KPKT	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
KUIN	Kolej Universiti Insaniah Negeri Kedah
MAIK	Majlis Agama Islam Kelantan
MGIT	Muassasah Gadaian Islam Terengganu
MPS	Majlis Penasihat Syariah
MPSK	Majlis Pengawasan Syariah Kebangsaan
MAIDAM	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu
NGO	<i>Non-governmental Organization</i>
PISK	Pelan Induk Sektor Kewangan
PKB	Permodalan Kelantan Berhad
PKPIM	Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Islam Malaysia
r.a.	radiyallah ‘anhu
RM	Ringgit Malaysia
s.a.w	Sallallahu ‘alaihi wassalam
s.w.t.	Subhanahu wa ta’ala
Sdn. Bhd.	Sendirian Berhad
SPI	Sistem Perbankan Islam
SPTF	Skim Perbankan Tanpa Faedah
TH	Tabung Haji
t.t.	Tanpa Tarikh
terj.	Terjemahan
AAOIFI	<i>The Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial System</i>
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UUM	Universiti Utara Malaysia
USM	Universiti Sains Malaysia
UiTM	Universiti Teknologi Mara
Y.A.B.	Yang Amat Berhormat
YaPEIM	Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia

## **SENARAI LAMPIRAN**

Lampiran 1: Contoh Soalan Temubual

Lampiran 2: Contoh Borang Soalselidik

Lampiran 3: Garis Panduan Pajak Gadai-i Bank Rakyat

Lampiran 4: Contoh Surat Akuan Gadaian Bank Rakyat

## **PANDUAN TRANSLITERASI**

Senarai pedoman tersebut adalah seperti berikut<sup>1</sup> :

i. Huruf konsonan

Huruf Arab	Nama	Huruf Latin
ا	<i>Alif</i>	a / '
ب	<i>ba'</i>	b
ت	<i>ta'</i>	t
ث	<i>tha'</i>	th
ج	<i>Jim</i>	j
ح	<i>ha'</i>	h
خ	<i>kha'</i>	kh
د	<i>Dal</i>	d
ذ	<i>Dhal</i>	dh
ر	<i>ra'</i>	r
ز	<i>Zay</i>	z
س	<i>Sin</i>	s
ش	<i>Syin</i>	sy
ص	<i>Sad</i>	s
ض	<i>Dad</i>	d
ط	<i>ta'</i>	t
ظ	<i>za'</i>	z

<sup>1</sup> Lihat Jawatan kuasa Tetap Bahasa Melayu (1992), *Pedoman Transliterasi Huruf Arab Ke Huruf Rumi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka ; *Buku Panduan Penulisan Tesis/ Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam*. (2001), Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

ع	' <i>ayn</i>	'
غ	<i>Ghayn</i>	gh
ف	<i>fa'</i>	f
ق	<i>Qaf</i>	q
ل	<i>Lam</i>	l
م	<i>Mim</i>	m
ن	<i>Nun</i>	n
و	<i>Waw</i>	w
ه	<i>ha'</i>	h
ي	<i>ya'</i>	y
ة	<i>ta' marbutah</i>	H

ii. Huruf vokal

Vokal	Huruf Arab	Huruf Latin
Pendek	(fathah) _____	a
	(dammah) _____	u
	(kasrah) _____	i
Panjang	أ	a
	أُ	u
	إِ	i
Diftong	أَو	aw
	أَي	ay
	يِ	iy/i
	وِ	uww

**PELAKSANAAN AL-RAHNU DI INSTITUSI PERBANKAN DAN BUKAN PERBANKAN DI MALAYSIA**

## ABSTRAK

Kemunculan pajak gadai Islam (*al-rahnu*) di Malaysia pada tahun 1992 telah membawa perubahan kepada industri pajak gadai yang selama ini dimonopoli oleh konvensional. Sistem ini bersifat kebajikan yang membantu golongan yang memerlukan wang tunai dengan cepat dan mudah. *al-Rahnu* merupakan satu skim yang diperkenalkan untuk melindungi masyarakat Islam daripada transaksi yang berunsurkan riba. Namun begitu ketiadaan satu akta *al-rahnu* menyebabkan berlakunya perbezaan pelaksanaan mengikut kategori organisasi *al-rahnu*. Isu kepatuhan syariah turut dibincangkan kerana *al-rahnu* merupakan kontrak *mua'malat* yang telah lama dipraktikkan dalam kehidupan masyarakat Islam. Kajian ini bertujuan untuk memahami dengan jelas pelaksanaan *al-rahnu* dalam amalan perbankan dan bukan perbankan di Malaysia. Kajian ini memfokuskan kepada pelaksanaan *al-rahnu* di Bank Rakyat, *al-rahnu* Kelantan dan *al-rahnu* MAIDAM Terengganu. Tumpuan kajian adalah menganalisa aspek pelaksanaan *al-rahnu* di tiga buah organisasi terbabit, ciri-ciri kelebihan produk serta isu dan cabaran yang dihadapi. Kajian ini juga cuba memahami secara teori konsep *al-rahnu* itu sendiri menurut *al-Quran* dan *al-Hadith*. Analisis perbandingan akan turut dibuat antara institusi *al-rahnu* yang dikaji dengan melihat persamaan dan perbezaan pelaksanaannya. Data dikumpulkan menggunakan kaedah perpustakaan dan kajian lapangan. Data seterusnya akan dianalisis menggunakan metod induktif, deduktif dan komparatif. Sejumlah 443 borang soalselidik diedarkan sebagai mengumpul data sokongan bagi melihat isu dan cabaran *al-rahnu* dari aspek kualiti perkhidmatan dan kepuasan pelanggan. Data kajian ini dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan alat perisian *Statistical Package For the Social Sciences* (SPSS). Penemuan kajian mendapati kontrak *al-rahnu* di Malaysia adalah satu kontrak hibrid yang mempunyai beberapa elemen kontrak lain yang membentuknya. Hasil



kajian menunjukkan pelaksanaan *al-rahnu* di Bank Rakyat, *al-rahnu* Kelantan dan *al-rahnu* MAIDAM mempunyai perbezaan pada beberapa aspek yang menjadi tumpuan kajian walaupun menggunakan konsep yang sama. Perbezaan ini disebabkan faktor latar belakang institusi *al-rahnu* yang berbeza iaitu melibatkan sistem perbankan dan bukan perbankan. Kesemua institusi yang dikaji juga mematuhi syariah dengan meletakkan syarat-syarat yang bersesuaian dengan kontrak *al-rahnu*. Hasil kajian juga mendapati pelanggan lebih berpuashati dengan kualiti perkhidmatan di institusi *al-rahnu* bukan perbankan berbanding institusi *al-rahnu* perbankan dan tahap kepuasan pelanggan semua lokasi adalah sama. Kajian pada akhirnya mencadangkan pembentukan satu akta *al-rahnu* bagi menyelaraskan pelaksanaan *al-rahnu* di Malaysia. Kajian ini juga mencadangkan penambahbaikan terhadap amalan yang sedia ada agar ianya bukan sekadar menukar nama dan label sahaja tetapi perlulah berpandukan roh dan syariat Islam sepenuhnya. Setiap organisasi *al-rahnu* perlu mengadakan promosi secara berterusan agar pemahaman masyarakat terhadap skim *al-rahnu* dapat ditingkatkan terutama kepada golongan bukan Islam.

## **IMPLEMENTATION OF AL-RAHNU IN BANKING AND NON-BANKING INSTITUTIONS IN MALAYSIA**

## ABSTRACT

The emergence of Islamic pawnshop (*al-rahnu*) in Malaysia in 1992 has brought changes to pawnshop industry which has long been monopolized by the conventional. The system is more of a welfare which helps those who are in urgent need of cash. *al-Rahnu* is a financial scheme introduced to protect Muslims from engaging in interest based transactions. However, without the presence of certain *al-rahnu* act, the implementation of *al-rahnu* itself varies for different organizations practicing the system. The issue of syaria compliance has also been discussed since *al-rahnu* is a form of trade which has long been practised by the muslim communities. The study aims to clearly understand the implementation of *al-rahnu* in banking and non-banking practices in Malaysia. The study focuses on the implementation of *al-rahnu* in Bank Rakyat, Kedai *al-rahnu* Kelantan and *al-rahnu* MAIDAM Terengganu. The focus of the study is to analyse the implementation of *al-rahnu* by the three organizations involved. The study also attempts to theoretically understand *al-rahnu* concept according to the *Quran* and the *Hadith*. A comparative analysis study among *al-rahnu* institutions has also been carried out to observe the differences and similarities of the implementation of the concept. Data was collected using library and field study methods. Gathered data was then analysed using inductive, deductive and comparative methods. 443 questionnaires have been distributed to collect supporting data to probe emerging issues and challenges regarding service quality and customers' satisfaction. Response gathered from the questionnaires were descriptively and inferentially analysed using *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) software. The findings reveal that *al-rahnu* contract in Malaysia is a form of hybrid contract comprising of several other contracts. The findings also show that the implementation of *al-rahnu* in Bank Rakyat, Kedai *al-rahnu* Kelantan and *al-rahnu* MAIDAM differs in several aspects

despite the same concept being used. The difference exists due to different background of *al-rahnu* involving banking and non-banking systems. All institutions under study are syaria compliance as they place appropriate conditions and requirements suited to the *al-rahnu* contract. The findings also reveal that customers are more satisfied with the quality of service offered by non-banking *al-rahnu* institutions as compared to that offered by banking *al-rahnu* and customers have displayed the same level of satisfaction at all locations. The study proposes the formulation of a uniform *al-rahnu* act to coordinate the implementation of *al-rahnu* in Malaysia. The study also proposes improvisation of the existing practice of *al-rahnu* so that the system will not only change its name and label but also must fully comply to the spirit of Islam and its syariat. Every *al-rahnu* institution should organize on-going campaigns to increase the people's understanding and awareness on *al-rahnu* scheme among both muslims and non-muslims.

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Sistem gadaian merupakan satu perkara yang memang telah lama dipraktikkan dalam masyarakat kita dan berkembang subur sejak dulu hingga kini.<sup>1</sup> Umum telah mengetahui bahawa kegiatan tersebut sangat popular tetapi terdedah dengan amalan riba yang dilarang oleh syariat Islam. Kebanyakan umat Islam terpaksa berurusan dengan sistem ekonomi konvensional yang bercirikan riba<sup>2</sup>. Pajak gadaai merupakan institusi yang popular bagi masyarakat Melayu yang majoritinya beragama Islam. Pelaksanaan skim *al-rahnu* merupakan satu alternatif kepada sistem pajak gadaai konvensional yang kebanyakannya dipelopori oleh kaum Cina. Menyedari hakikat ini beberapa institusi kewangan di Malaysia telah berusaha dengan gigih untuk melaksanakan sistem *al-rahnu* di Malaysia sebagai alternatif kepada sistem gadaian konvensional yang telah lama bertapak di negara kita.<sup>3</sup>

*al-Rahnu* seperti yang diamalkan oleh institusi kewangan Islam di Malaysia merupakan produk *mua'malat* Islam yang hibrid (gabungan beberapa mekanisme kontrak) melibatkan beberapa mekanisme kontrak Islam iaitu *al-qard al-hasan*

---

<sup>1</sup> Mohd. Nasir Mohd. Yatim, *The Principles and Practice of Islamic Banking & Finance*, hlm. 188

<sup>2</sup> Mu'min Ab. Ghani, *Sejarah Perkembangan Riba dalam Tamadun Manusia*, hlm. 124

<sup>3</sup> Prosiding Konvensyen Serantau, *Skim al-rahnu: satu model mikro kredit di Malaysia*, hlm. 28

(pinjaman tanpa faedah), *al-rahnu* (cagaran), *al-wadiah* (simpanan) dan *al-ujrah* (upah simpan). *al-Rahnu* diperkenalkan untuk melindungi masyarakat terutamanya masyarakat Islam daripada transaksi yang berunsurkan riba. Sebelum kewujudan *al-rahnu*, masyarakat Melayu terpaksa bergantung kepada kedai-kedai pajak gadai sebagai institusi yang dapat membantu ketika mereka memerlukan wang.<sup>4</sup> Kajian Azila Abdul Razak et al. turut menyatakan bahawa pajak gadai sangat signifikan kepada golongan yang berpendapatan rendah iaitu dibawah RM500 dan mereka yang mempunyai pendidikan rendah dan sederhana. Kini terdapat lebih 259 buah pajak gadai di Malaysia yang menyediakan perkhidmatan secara konvensional untuk semua kaum.<sup>5</sup>

Justeru menjadi tanggungjawab masyarakat Islam untuk meneroka bidang kajian ini untuk mencari penyelesaiannya dengan merujuk kepada sumber wahyu di samping sumber-sumber dan kaedah-kaedah Islam yang lain.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Dalam dunia perbankan khususnya timbul pelbagai persoalan dalam usaha memerangi masalah transaksi yang melibatkan riba<sup>6</sup> dan unsur-unsur lain yang dilarang oleh syarak. Tuntutan kepada penyelesaian hukum bagi keperluan hidup masyarakat Islam amat mendesak di negara kita sekarang ini. Ini disebabkan perubahan yang berlaku dalam masyarakat untuk memenuhi tuntutan hidup semasa yang memerlukan penyelesaian hukum syarak sama ada perkara itu melibatkan hal-

---

<sup>4</sup> Abdul Ghafar Ismail dan Nor Zakiah Ahmad, *Pawnshop as instruments of Microenterprise Credit in Malaysia*, hlm. 1343-1352.

<sup>5</sup> Azila Abdul Razak et al, *Peranan Institusi Pajak Gadai Islam dalam Pembangunan Sosio-Ekonomi*, hlm. 1354

<sup>6</sup> Selain Islam, riba sebenarnya turut diharamkan dalam amalan masyarakat Kristian dan Yahudi Rujuk Norlela Kamarudin, *The Prohibition of Riba: A Religious Moral Obligation.....?*. hlm. 22-27

hal sosial, politik dan ekonomi. Dalam kewangan dan ekonomi kita dapati jenis-jenis kontrak yang diamalkan oleh masyarakat memberi kemudahan untuk mereka menyelesaikan segala keperluan sama ada kemudahan asas, pusingan modal perniagaan dan sebagainya.

Oleh itu, institusi-institusi perbankan Islam yang sedia ada perlu mempertingkatkan lagi daya saing yang ada dengan mencipta produk-produk yang dapat memenuhi kehendak pasaran dan menarik sebanyak mungkin keuntungan di samping menekankan nilai-nilai Islam dalam perniagaan. Ini bertepatan dengan apa yang ditekankan dalam objektif utama perbankan Islam iaitu bermotifkan keuntungan di samping memegang teguh faktor-faktor agama atau nilai Islam seperti keadilan dalam bertransaksi. Konsep dan pelaksanaannya adalah bertujuan untuk memenuhi keperluan umat Islam terhadap perbankan dan kewangan menurut lunas-lunas Islam secara komprehensif.

Bagi menjamin momentum yang ada sekarang dapat dikekalkan dan sasaran yang ditetapkan akan dicapai, perbankan Islam mestilah bergerak berdasarkan realiti sebenar, mampu menawarkan perkhidmatan perbankan yang berdaya saing dan mempunyai sistem operasi yang cekap. Perkhidmatan perbankan patut diperluaskan dengan mengeksploitasi segala instrumen yang sedia ada ke tahap yang optimum dan berusaha mencipta instrumen-instrumen baru yang sesuai dengan kehendak pasaran masakini. Pemusatan kepada satu instrumen semata-mata dan mengabaikan instrumen-instrumen yang lain akan mengakibatkan perkembangan perbankan Islam akan terbantut dan menjadi semakin perlahan.

Penumpuan mengislamkan institusi kewangan tidak harus ditumpukan kepada sistem perbankan sahaja bahkan harus juga meliputi seluruh institusi dalam sistem kewangan itu sendiri. Tan Sri Jaafar Hussein menyatakan bahawa dalam usaha mewujudkan satu sistem kewangan yang canggih, adalah penting institusi-institusi di pinggir sistem perbankan seperti syarikat pajak gadai juga diislamkan.<sup>7</sup> Hal yang demikian kerana pajak gadai Islam boleh menjadi instrumen penting dalam pembangunan ekonomi kerana pelanggan yang kebanyakannya tidak mempunyai akses dan kapasiti menerima pinjaman daripada sistem perbankan masih boleh memperolehi pembiayaan daripada skim ini dalam masa yang singkat.

Pembentukan sistem kewangan Islam di Malaysia adalah berdasarkan prinsip-prinsip yang berlandaskan syariat Islam, bertujuan untuk mencapai perkara-perkara berikut:

- i. Untuk mengumpulkan modal yang mencukupi untuk pengeluaran, penggunaan dan pertukaran.
- ii. Untuk mengagihkan modal kepada sektor-sektor yang benar-benar memerlukannya dan boleh membawa faedah kepada masyarakat keseluruhannya.
- iii. Untuk menentukan kestabilan harga.
- iv. Untuk menentukan keadaan ekonomi yang makmur dan bersih daripada segala jenis kesempitan di peringkat individu.
- v. Untuk mewujudkan keadilan dan ihsan.<sup>8</sup>

*al-Rahnu* mula diperkenalkan di Malaysia pada tahun 1992 dan semakin berkembang dengan pesat. Perkhidmatan ini mensasarkan golongan miskin dan yang

---

<sup>7</sup> Jaafar Hussein, *Syarah Umum: Sistem Kewangan Islam dalam Dekad 1990-an*, hlm. 1-2

<sup>8</sup> Othman Yong, *Pasaran dan Institusi Kewangan di Malaysia: Teori dan Amalan*, hlm. 284

berpendapatan rendah yang mempunyai emas sebagai jaminan gadaian mereka. Ia juga menawarkan perkhidmatan yang mudah dan cepat serta upah simpan (*al-ujrah*) yang amat rendah. Oleh itu *al-rahnu* di kategorikan sebagai institusi pinjaman mikro (*Microfinance Institution*) atau (MFIs).<sup>9</sup> Istilah ini selari dengan pandangan *International Monetary Fund* (IMF) yang menyatakan MFIs menyediakan kredit berskala kecil atau perkhidmatan pinjaman alternatif bagi golongan berpendapatan rendah dan para peniaga kecil. Menurut McGuire pula MFIs sangat penting kepada golongan yang tidak mempunyai akses atau tidak layak membuat pinjaman di institusi perbankan secara formal.<sup>10</sup>

Kerajaan berhasrat untuk menjadikan skim pajak gadai Islam sebagai skim pajak gadai utama di negara kita bagi menggantikan skim konvensional. Pelbagai pihak sudah mula menyedari bahawa pelaksanaan strategi bagi menyelesaikan isu-isu diperingkat mikro perlu diikuti oleh pendekatan yang berkesan. Dalam konteks ini, agama dilihat sebagai faktor penting untuk dibawa bersama dalam menyelesaikan permasalahan ekonomi dan sosial.

Di Malaysia pelbagai usaha dijalankan untuk membantu golongan yang berpendapatan rendah untuk membangunkan kehidupan mereka. Mereka yang memerlukan wang akan pergi ke institusi-institusi kewangan untuk membuat pinjaman tetapi terikat dengan syarat-syarat yang terlalu ketat untuk mendapatkan pinjaman. Kekosongan ini perlu di atasi dengan skim mikro kredit dan *al-rahnu* adalah alternatif terbaik untuk mengisi kekosongan tersebut.<sup>11</sup> Menurut Rugayah

---

<sup>9</sup> Selamah Maamor, *The Determinants of Islamic Pawnshop (Al-rahnu) Efficiency*, hlm. 10

<sup>10</sup> McGuire, P.B., *Policy and Regulation for Sustainable Microfinance: Country Experiences in Asia*, hlm. 717-729

<sup>11</sup> Prosiding Konvensyen Serantau, *Skim al-rahnu: satu model mikro kredit di Malaysia*, hlm. 17



Mohamed<sup>12</sup> pelanggan *al-rahnu* dikategorikan kepada tiga kelompok iaitu suri rumah, pekerja swasta dan kakitangan kerajaan. Golongan ini memilih *al-rahnu* kerana ada dikalangan mereka yang tidak mempunyai kelayakan atau tidak memenuhi syarat untuk memohon pinjaman di institusi perbankan. Abdul Ghafar dan Nor Zakiah<sup>13</sup> pula mendapati pelanggan *al-rahnu* menggunakan kemudahan ini untuk keperluan rumah dan kecemasan. Kajian Selamah et al.<sup>14</sup> pula mendapati pelanggan *al-rahnu* termasuk peniaga-peniaga kecil yang menggunakan pinjaman ini sebagai pusingan modal. Manakala kajian yang disasarkan kepada golongan bukan Islam di negara ini menyatakan *al-rahnu* benar-benar berbeza daripada skim pajak gadai konvensional yang berasaskan kadar faedah. Mereka mencagarkan barang kemas mereka di *al-rahnu* kerana faktor jaminan keselamatan, kos pinjaman dan ciri perkhidmatan *al-rahnu* itu sendiri.<sup>15</sup>

Sebaliknya jika kekosongan ini tidak dapat dipenuhi, mereka akan memilih jalan mudah yang tidak memerlukan sebarang jaminan (*collateral*) daripada bank dengan mendapatkan pihak yang memberi jaminan jangka pendek seperti ceti, along dan lain-lain pinjaman mudah yang mengenakan faedah yang tinggi.<sup>16</sup> Oleh itu, penubuhan *al-rahnu* menjadi salah satu penyelesaian kepada masalah yang timbul di kalangan mereka yang tidak mempunyai pendapatan yang tetap dan berpendapatan rendah.<sup>17</sup>

---

<sup>12</sup> Rugayah Mohamed, *Hak dan Implikasi Perundangan Sistem Pajak Gadai di Malaysia*, hlm. 6

<sup>13</sup> Abdul Ghafar Ismail, Nor Zakiah Ahmad, *Pawnshop as an instrument of microenterprise credit in Malaysia*, hlm. 1343-1352

<sup>14</sup> Selamah et al., *The Effects of Competition on the Outreach Level Pawnshop Industry in Malaysia*, hlm. 5

<sup>15</sup> Amirul Afif Muhamat, *Skim Gadaian Islam*, hlm.15.

<sup>16</sup> Sebarang bentuk faedah yang diisyaratkan termasuk dalam kategori riba jahiliyyah yang diharamkan dalam Islam.

<sup>17</sup> Prosiding Konvensyen Serantau, *Skim al-rahnu: satu model mikro kredit di Malaysia*, hlm. 80

Sehubungan itu, adalah menjadi kesedaran kepada penyelidik untuk mengkaji pelaksanaan dan perkembangan *al-rahnu* memandangkan produk ini semakin mendapat perhatian di kalangan masyarakat. Ia bukan saja memberi impak kepada sektor ekonomi malah turut menyumbang ke arah pembangunan sosial. Kajian ini akan membincangkan latar belakang pajak gadai Islam di Malaysia. Seterusnya perbincangan difokuskan kepada konsep gadaian Islam (*al-rahnu*) berdasarkan *fiqh mua'malah* Islam. Aspek pelaksanaan operasi pajak gadai Islam turut disentuh dalam kajian ini dengan merujuk kepada operasi pajak gadai Islam di *al-rahnu*, Kelantan, *al-rahnu* MAIDAM Terengganu dan *al-rahnu* di Bank Rakyat.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Walaupun skim *al-rahnu* mendapat sambutan yang semakin menggalakkan di kalangan masyarakat tetapi berdasarkan kepada kajian-kajian lepas antaranya Wan Abdul Rahman Khudzri Wan Abdullah<sup>18</sup>, Muhammad Saiful Islami Mohd Taher<sup>19</sup> dan Emy Norlyana Taha Hsni<sup>20</sup> mendapati perkhidmatan *al-rahnu* masih berhadapan dengan pelbagai masalah yang menyebabkannya masih tidak dapat menandingi penguasaan pajak gadai konvensional. Menurut Perangkaan BNM pada tahun 2004, nilai gadaian pajak gadai konvensional menguasai hampir 82 peratus pasaran dengan jumlah pinjaman yang dikeluarkan sebanyak RM 1.5 billion, manakala pajak gadai Islam hanya menguasai 15 peratus pasaran dengan nilai pinjaman RM275 juta.<sup>21</sup>

---

<sup>18</sup> Wan Abdul Rahman Khudzri Wan Abdullah, *Faktor-faktor Pemilihan Terhadap Perkhidmatan Pajak Gadai Islam dan Konvensional: Kajian di Pekan Jitra* (2001)

<sup>19</sup> Muhammad Saiful Islami Mohd Taher, *Penerimaan Pelanggan Terhadap Skim Pajak Gadai Islam (al-rahnu): Kajian di Kedai Al-rahnu Bank Rakyat, Cawangan Alor Setar, Kedah*. (2006)

<sup>20</sup> Emy Norlyana Taha Hsni, *Faktor-faktor yang menentukan sambutan pengguna terhadap pajak gadai Islam dan konvensional dalam kalangan orang Islam Seberang Perai*, (2009)

<sup>21</sup> Junaidi Yean Abdullah, *Kenapa Pajak Gadai Konvensional Masih popular?* Diakses dari <http://ummatanwasatan.net/2008/09/kenapa-pajak-gadai-konvensional-masih-popular/pada-4-Oktober-2010>.

Hassan Abdullah al-Turabi tokoh Islam dari Sudan menyatakan bahawa usaha melaksanakan sistem kewangan Islam pada zaman ini memerlukan pendekatan yang wajar bukanlah pengulangan bentuk yang sama, tetapi dengan memelihara peraturan-peraturan khusus, memahami semangat dan prinsip Islam serta berusaha mencapai setakat mana kesempurnaan idea dalam bentuk baru. Atas pertimbangan inilah pembentukan *al-rahnu* memerlukan isi, roh serta nilai-nilai Islam bukannya hanya memastikan produk ini tidak mengandungi riba. Malah pelaksanaannya adalah sebahagian daripada usaha untuk menghapuskan eksploitasi terhadap golongan miskin atau golongan yang berpendapatan rendah atau sesiapa sahaja yang termasuk dalam golongan yang menghadapi kesukaran.<sup>22</sup>

Bagaimanapun kebanyakan institusi kewangan Islam di Malaysia lebih memberi fokus kepada usaha untuk mengelak riba sahaja tanpa menitikberatkan aspek falsafah, roh, semangat dan matlamat utama pelaksanaan *mua'malat* Islam khususnya *al-rahnu* itu sendiri. Selain itu, *al-rahnu* yang dilaksanakan oleh semua institusi di Malaysia adalah tidak selaras dan ini menimbulkan kekeliruan di kalangan masyarakat. Ketidakselarasan ini dapat dilihat dari segi upah simpan, barang gadaian dan nilai pinjaman yang diberikan. Persoalan gabungan pelbagai elemen dalam satu kontrak ini adalah penting untuk dihuraikan kerana Islam amat mementingkan ketelusan dalam pembentukan sesuatu kontrak. Percampuran atau gabungan ini nanti ditakuti menyebabkan timbulnya unsur-unsur dilarang seperti penipuan dan *gharar*<sup>23</sup> dalam kontrak. Unsur *gharar* dapat dihapuskan daripada akad jika objek kontrak dinyatakan dengan terperinci sehingga tidak ada lagi kesamaran

---

<sup>22</sup> Hassan Abdullah al-Turabi, *Economics Functions Of An Islamic State*, hlm. 54

<sup>23</sup> Maksud *gharar* menurut Ibn Manzur ahli bahasa Arab adalah risiko, bahaya atau penipuan. Menurut Ibn Taimiyah *gharar* ialah apabila satu pihak mengambil haknya dan satu pihak lagi tidak menerima apa yang sepatutnya dia dapat.

dan ketidakpastian tentang spesifikasinya. Dengan itu unsur penipuan dapat dihindari dan perbalahan antara pihak yang terlibat dapat dielakkan.

Manakala isu tentang ketiadaan satu badan induk pengawalseliaan dan garis panduan yang komprehensif yang mengawasi perjalanan sistem ini juga perlu dibincangkan dan dicari jalan penyelesaiannya. Ketiadaan enakmen atau akta yang khusus mengenai gadaian Islam menyebabkan agensi pelaksana skim ini terpaksa menerima pakai Akta Pemegang Pajakgadai 1972 dengan melakukan beberapa perubahan. Peruntukan-peruntukan dalam Akta tersebut jelas bercanggah dengan syariat Islam seperti seksyen 17 dan seksyen 23 iaitu mengenakan faedah 2% sebulan atas kadar pinjaman dan barang gadaian menjadi lesap selepas tamat tempoh gadaian apabila barang itu tidak ditebus semula. Keperluan kepada akta khusus *al-rahnu* perlu di laksanakan segera untuk mengawal aktiviti *al-rahnu* diseluruh negara dan ini perlu diasaskan kepada undang-undang Syariah.<sup>24</sup> Keperluan untuk mematuhi peraturan sistem perbankan konvensional merupakan kekangan utama terhadap perkembangan dan pelaksanaan kewangan Islam. Semua pihak perlu memastikan produk *al-rahnu* ini dapat mencapai kepatuhan syariah yang tinggi bukan setakat bergantung kepada helah undang-undang untuk menghalalkan produk yang secara dasarnya berciri riba atau disebut helah syariah.<sup>25</sup>

Sesetengah ahli masyarakat masih keliru samada sistem gadaian yang dipraktikkan kini benar-benar bersih dari amalan riba dan segala bentuk penindasan. Sesetengahnya mendakwa yang sistem gadaian Islam dan konvensional adalah satu

---

<sup>24</sup> Barjoyai Bardai , *Program Mikro Kredit al-rahnu Sebagai Pemangkin Pembangunan Sosiekonomi Ummah: Cadangan Program Pengukuhan Masa Hadapan*, hlm. 18

<sup>25</sup> Bank Negara Malaysia, *Isu-isu semasa Dalam Perbankan Islam*, hlm. 40

institusi yang sama, cuma dibezakan dari segi nama sahaja. Ini menyebabkan mereka memilih skim pajak gadai konvensional.<sup>26</sup> Persepsi ini timbul kerana wujud pelbagai persoalan seperti bagaimana institusi *al-rahnu* menentukan kadar upah dan keuntungan yang diambil kerana berubah-ubah mengikut tempat yang digadai. Sedangkan menurut keputusan Majlis Fiqh Antarabangsa dan lain-lain majlis syariah yang berautoriti tanpa kepentingan tertentu di mana-mana syarikat dan institusi kewangan di seluruh dunia, caj yang dibenarkan dikenakan kepada peminjam hanyalah kos sebenar yang lahir dari urusan pemberian pinjaman sahaja. Ia tiada kaitan dengan nilai pemberian pinjaman, kos-kos langsung seperti gaji pekerja, sewaan tempat dan tanggungan lain.<sup>27</sup>

Kajian oleh Asmadi Naim<sup>28</sup> tentang masalah ini merumuskan bahawa skim *al-rahnu* masih menggambarkan elemen riba kerana kadar upah yang dikenakan masih dilihat tinggi khususnya oleh peminjam yang berpendapatan rendah. Bagaimanapun, skim *al-rahnu* ini juga telah dibuktikan mempunyai banyak kebaikan. Untuk memperbaikinya usaha ke arah menghilangkan syubhat riba perlu dilakukan dan masih berpeluang dilakukan terhadap skim *al-rahnu* ini. Begitu juga kajian oleh Shamsiah Mohamad dan Safinar Salleh<sup>29</sup> membincangkan masalah upah simpan yang dikatakan masih terdapat keraguan dari segi syarak .

---

<sup>26</sup> Emy Norlyana Taha Hsni, *Faktor-faktor yang menentukan sambutan pengguna terhadap pajak gadai Islam dan konvensional dalam kalangan orang Islam Seberang Perai*, hlm. 15

<sup>27</sup> *Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions*, no.9/1

<sup>28</sup> Asmadi Naim, *Sistem Gadaian Islam*, hlm. 55

<sup>29</sup> Shamsiah Mohamad dan Safinar Salleh, *Upah Simpan Barang Dalam Skim al-rahnu: Satu Penilaian Semula*, (2008)

Masyarakat Islam di negara ini juga masih kabur tentang pelaksanaan konsep *al-rahnu* ini kerana kurangnya pendedahan dan maklumat yang disampaikan kepada mereka. Menurut Selamah dan Abdul Ghaffar kurang daripada 70% sahaja jumlah umat Islam di Malaysia yang menyedari kewujudan perkhidmatan ini.<sup>30</sup> Ini amat malang kerana sistem ini dapat membantu menegakkan keadilan dan menjauhi amalan riba yang diharamkan oleh Islam. Oleh itu satu data terkini tentang pencapaian *al-rahnu* diperlukan untuk melihat peningkatan kesedaran dan keyakinan masyarakat Islam terhadap sistem ini.

Dalam tempoh hampir 20 tahun operasi *al-rahnu* di Malaysia tidak dapat tidak timbul pelbagai isu dan cabaran apabila sesuatu produk ditawarkan. Justeru perlunya kita mengenalpasti sisi ini serta kaedah dan penyelesaian yang digunakan oleh organisasi *al-rahnu*. Antara isu yang timbul ialah soal kualiti perkhidmatan yang ditawarkan dan adakah memberi kepuasan kepada pelanggan-pelanggan. Setiap pelaksanaan sistem atau instrumen yang baru sudah tentu ada cabaran dan rintangan yang akan ditempuhi. Institusi *al-rahnu* perlu membina pilihan pelanggan dengan menonjolkan kualiti perkhidmatan, nilai, prestasi dan lain-lain kualiti positif.

Begitu juga timbul persoalan tentang persamaan dan perbezaan pelaksanaan organisasi *al-rahnu* di perbankan dan bukan perbankan kerana pertumbuhan yang amat pesat skim ini pada masa kini. Kontrak *al-rahnu* sebagai kontrak kebajikan telah bertukar konsep dengan mengenakan upah simpan kepada pelanggan berdasarkan kontrak-kontrak lain yang dimasukkan dalam *al-rahnu* seperti *al-wadiah yad dhamanah* dan *al-ujrah*.

---

<sup>30</sup> Selamah Maamor & Abdul Ghaffar Ismail, *The Al-rahnu Efficiency and Its Determinants*, hlm. 2

Kesemua persoalan-persoalan kajian dan pecahannya ini penting dalam menjelaskan bagaimana konsep *al-rahnu* yang diaplikasi dalam sistem *mua' malat* di Malaysia. Ia juga dapat membantu masyarakat Islam untuk memahami konsep dan prinsip syariah dalam kehidupan seharian terutama melibatkan bidang kewangan dan perbankan Islam.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Matlamat utama kajian ini ialah pengkaji ingin melihat sejauhmana kemajuan dan perkembangan semasa pelaksanaan *al-rahnu* di Malaysia sama ada dalam industri perbankan atau bukan perbankan setelah hampir 20 tahun penubuhannya. Manakala secara lebih khusus, kajian ini mempunyai objektif yang ingin dicapai seperti berikut:

1. Mengkaji bagaimana konsep *al-rahnu* diaplikasi dalam amalan perbankan dan bukan perbankan di Malaysia
2. Membuat analisis perbandingan di antara organisasi-organisasi *al-rahnu* yang dipilih dari segi operasi, prestasi, kepuasan pelanggan dan kualiti perkhidmatan
3. Mengenalpasti isu-isu dan cabaran bagi setiap masalah yang timbul hasil pelaksanaan *al-rahnu* di setiap organisasi
4. Mengkaji kelemahan dan kekuatan *al-rahnu* dalam sistem perbankan dan bukan perbankan

## 1.5 Kepentingan Kajian

*al-Rahnu* merupakan satu skim yang diperkenalkan untuk melindungi masyarakat terutamanya masyarakat Islam daripada transaksi yang berunsurkan riba. Terdapat lagi segelintir masyarakat yang tidak dapat membezakan dengan baik tentang konsep perbankan berasaskan syariah dengan konsep perbankan berasaskan riba. Akibatnya masih ramai kalangan masyarakat di negara ini terlibat dengan unsur-unsur riba dalam transaksi harian sedangkan riba itu sangat bahaya dari sudut akhlak mahupun kerohanian, peradaban mahupun kemasyarakatan.<sup>31</sup> Riba juga boleh mewujudkan keadaan di mana yang kaya akan bertambah kaya dan yang miskin terus menjadi miskin.<sup>32</sup> Secara tidak langsung, skim *al-rahnu* ini membantu meningkatkan lagi struktur sosio ekonomi orang Melayu. Justeru perlunya ada kajian-kajian dalam menjelaskan dengan lebih komprehensif bagaimana sesuatu prinsip atau kontrak syariah diaplikasi dalam pembentukan sesuatu produk perbankan.

Kajian ini penting kerana hasilnya diharapkan dapat mengenalpasti perkembangan, cabaran dan prospek pelaksanaan sistem *al-rahnu* di Malaysia. Oleh kerana terdapat pelbagai institusi yang melaksanakan sistem ini, maka terdapat beberapa perbezaan dari segi polisi dan pelaksanaan di setiap institusi tersebut. Dengan itu kajian ini dijalankan untuk melihat perbezaan tersebut dan mencari titik persamaan. Ini memudahkan proses untuk menyelaraskan sistem *al-rahnu* di Malaysia. Ia juga dapat mengelakkan perbezaan-perbezaan yang wujud hari ini dimana ia boleh menimbulkan ketidakpuasan hati di kalangan pelanggan-pelanggan.

---

<sup>31</sup> Muhammad Thalib, *Riba, Bunga Bank dan Persoalannya*, hlm. 1

<sup>32</sup> Sudin Haron, *Prinsip dan operasi Perbankan Islam*, hlm.25



Ia juga akan membantu masyarakat Islam membuat pilihan yang tepat dalam menguruskan kontrak *mua'malat* mereka kerana masih wujud kefahaman yang rendah tentang konsep ini di kalangan masyarakat Islam.<sup>33</sup> Hasil kajian ini juga akan membantu pihak-pihak yang terlibat dengan sistem kewangan Islam di Malaysia untuk mereka mengemaskini pengurusan dan strategi serta memperbaiki kelemahan-kelemahan bagi menjayakan *mua'malah* yang berlandaskan Syariah.

Akhir sekali, hasil kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada bidang ilmu aplikasi yang terhad sebelum ini dengan memfokuskan kepada perbezaan pelaksanaan *al-rahnu* yang sebelum ini kurang dibincangkan secara panjang lebar dalam sumber-sumber ilmiah. Kajian ini juga dapat memenuhi lompang literatur kerana belum ada kajian lepas yang melihat perbandingan antara organisasi dan persepsi pelanggan terhadap instusi *al-rahnu* secara mendalam. Melalui hasil kajian yang diperolehi nanti diharap dapat melahirkan cadangan dan polisi yang dapat membantu semua pihak yang terlibat.

## **1.6 Skop dan Batasan Kajian**

Seperti sedia maklum bahawa tajuk kajian ini adalah “Pelaksanaan *al-rahnu* di Institusi Perbankan dan Bukan Perbankan di Malaysia”. Jadi, fokus kajiannya disini sudah tentulah mengenai pelaksanaan konsep *al-rahnu* di institusi-institusi yang dipilih iaitu melibatkan institusi perbankan dan bukan perbankan. Kajian ini akan melihat pelaksanaan sistem *al-rahnu* di Malaysia tertumpu kepada tiga organisasi *al-rahnu* di Malaysia yang telah mendapat tempat di kalangan masyarakat Islam dan bukan Islam. Setiap organisasi mempunyai strategi tersendiri untuk menarik minat

---

<sup>33</sup> Pada tahun 2003, pajak gadai Islam hanya menguasai 12.2% pasaran berbanding 87.8% yang dikuasai oleh perkhidmatan pajak gadai konvensional

pelanggan-pelanggan yang datang ke premis mereka. Kajian ini dilakukan di negeri Kelantan dan Terengganu dengan memberi fokus kepada tiga organisasi iaitu :

- i- Kedai *al-rahnu* (KAR)-Permodalan Kelantan Berhad
- ii- *al-Rahnu* MAIDAM, Terengganu
- iii- *al-Rahnu* -Bank Kerjasama Rakyat (Malaysia) Berhad, Kota Bharu

Rasional pemilihan negeri ini adalah disebabkan bilangan pajak gadai Islam banyak tertumpu di negeri-negeri berkenaan dengan penubuhan *al-rahnu* di bawah kerajaan negeri dan melibatkan institusi perbankan di setiap daerah. Pemilihan ketiga-tiga organisasi juga dibuat kerana beberapa faktor antaranya usia penubuhan yang hampir sama iaitu *al-rahnu* KAR ditubuhkan pada 12 Mac 1992, *al-rahnu* MAIDAM pada 23 Januari 1992 dan *al-rahnu* Bank Rakyat pada 21 Oktober 1993. Dengan tempoh penubuhannya yang hampir sama pengkaji merasakan kesemua organisasi telah melalui pelbagai cabaran dan rintangan setelah beroperasi lebih 20 tahun.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, penduduk di Pantai Timur juga sangat signifikan dengan pemilikan barang kemas yang banyak. Peniaga-peniaga wanita di Pasar Siti Khadijah dan juga Pasar Payang kebanyakannya memakai barangan kemas semasa berniaga. Ini akan memberi kemudahan kepada mereka untuk pergi ke *al-rahnu* apabila kekurangan modal atau menghadapi masalah-masalah peribadi yang lain. Malah ada juga peniaga yang bergadai pada waktu pagi untuk mengambil modal dan dapat menebusnya kembali pada waktu petang setelah selesai berniaga.<sup>34</sup> Budaya

---

<sup>34</sup> Wan Sharif Wan Musa, 2008, Pelaksanaan *al-rahnu* di Kelantan, *temu bual*, di Pejabat Permodalan Kelantan Berhad, Kelantan, 26 Julai

berniaga ini agak berkurangan di negeri-negeri lain berdasarkan pemerhatian pengkaji.

Pemilihan organisasi *al-rahnu* di Kelantan dan Terengganu pula mempunyai signifikannya yang tersendiri. Pertama, Kelantan seperti yang diketahui umum merupakan negeri yang mendakwa menjalankan dasar pemerintahan Islam di bawah pimpinan Parti Islam SeMalaysia (PAS). Dasar ini sepatutnya telah membawa banyak perubahan kepada masyarakat tempatan baik dari sudut politik, ekonomi dan sosial. Manakala Terengganu pula adalah pelopor kepada *al-rahnu* di Malaysia dan pernah berada dibawah pimpinan PAS pada tahun 1999 hingga 2004. Pelaksanaan konsep *mua'malat* turut mendapat kerjasama oleh kerajaan Barisan Nasional dan tanggungjawab ini diberi kepada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM).

Selain itu, Kelantan dan Terengganu antara negeri yang terawal menubuhkan *al-rahnu* di Malaysia iaitu pada tahun 1992 dan *al-rahnu* Kelantan merupakan penasihat kepada Pajak Gadai Islam (*AL-RAHNU*) Koperasi Islam Patani Berhad. Dari sudut geografi pula, kajian mendapati penyertaan masyarakat dalam skim *al-rahnu* negeri-negeri di pantai timur (iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang) lebih menggalakkan berbanding negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia. Skim ini juga kurang mendapat sambutan di negeri Sabah dan Sarawak.<sup>35</sup>

Akhirnya, kajian terhadap *al-rahnu* negeri Kelantan dan Terengganu belum dilakukan secara khusus dengan memfokuskan *al-rahnu* di institusi perbankan dan

---

<sup>35</sup> Mohd Arshad Sehan, 2004, *Isu-isu Dalam Pelaksanaan Pajak Gadai Islam di Negara Serantau*. hlm. 43

bukan perbankan. Kajian yang ada kini hanya melihat dan membuat kesimpulan secara umum mengenai pelaksanaan setiap institusi secara tersendiri tanpa menghurai dari aspek pengguna untuk melihat persepsi pelanggan dan membandingkan perbezaan institusi-institusi tersebut secara terperinci dan holistik.

Perbandingan antara institusi perbankan dan bukan perbankan dilakukan kerana terdapat perbezaan dalam operasi dan pelaksanaan antara institusi *al-rahnu* walaupun menggunakan konsep yang sama terutama melibatkan pinjaman maksima, upah simpan, sumber kewangan dan matlamat penubuhan. Bank Rakyat mula menawarkan *al-rahnu* sebagai salah satu produk sistem perbankannya dan isu modal yang besar, staf dan premis untuk beroperasi tidak menjadi masalah bagi institusi ini. Dengan pengalaman dan reputasi cemerlang, Bank Rakyat terus mengorak langkah dengan menjalankan *français al-rahnu* kepada organisasi yang berminat. Bank Rakyat juga dapat menawarkan pinjaman sehingga RM50,000 dan mengambil upah simpan yang paling rendah berbanding organisasi *al-rahnu* yang lain.

Institusi *al-rahnu* bukan perbankan pula mula beroperasi dengan modal dari kerajaan negeri dan pinjaman dari sistem perbankan. *al-Rahnu* MAIDAM mendapat modal dari Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) pada awal penubuhannya. *al-Rahnu* KAR pula mendapat modal dari Permodalan Kelantan Berhad (PKB) dan terpaksa menggunakan kontrak *mudharabah* dari Bank Islam untuk mengembangkan lagi cawangan-cawangan *al-rahnu* di Kelantan dan negeri-negeri lain. Kedua-dua institusi ini mempunyai kekangan dari segi modal dan tenaga kerja untuk mengembangkan lagi premis mereka di seluruh Malaysia. Namun

penubuhan *al-rahnu* bukan perbankan telah memberi impak yang signifikan kepada masyarakat setempat dan mampu beroperasi sehingga kini.<sup>36</sup>

Oleh itu, adalah menjadi harapan pengkaji dengan pemilihan institusi *al-rahnu* perbankan dan bukan perbankan sebagai tumpuan kajian, masyarakat akan lebih memahami dan seterusnya memainkan peranan yang berkesan dalam membangunkan ekonomi ummah.

## 1.7 Kajian Terdahulu

*al-Rahnu* adalah kontrak yang sudah lama wujud dan berperanan dalam masyarakat Islam. Oleh yang demikian, pengkajian dan penyelidikan mengenainya bukanlah suatu yang baru dan telahpun dibuat dari pelbagai sudut dan aspek sejak zaman awal Islam. Rujukan-rujukan asli yang ada hubungan dengan kontrak ini kebanyakannya ditulis dalam beberapa buah kitab yang khusus membicarakan aspek-aspek *mua'malat* dan kewangan Islam. Ulasan dan sorotan kajian-kajian terdahulu dilakukan oleh pengkaji untuk mengetahui sejauh mana pengkajian tentang *al-rahnu* disamping membincangkan hasil-hasil kajian lepas yang berkaitan atau boleh dikaitkan dengan masalah yang dikaji terutama sekali untuk menjelaskan kedudukan kajian ini dalam konteks kajian-kajian yang pernah dilakukan.

Terdapat banyak pengkajian terdahulu sama ada dalam bentuk kitab-kitab fiqh klasik, buku-buku, disertasi, latihan ilmiah dan kertas kerja yang menyentuh tentang *al-rahnu*. Konsep gadaian Islam telah dihuraikan secara terperinci di dalam kitab-kitab *fiqh* klasik seperti kitab *Manhaj al-Muslim, Kitab 'Aqa'id wa Adab wa Akhlaq*

---

<sup>36</sup> Wan Sharif Wan Musa, 2008, Pelaksanaan al-rahnu di Kelantan, *temu bual*, di Pejabat Permodalan Kelantan Berhad, Kelantan, 26 Julai

wa *Muamalat* yang ditulis oleh Abu Bakr Jabir al-Jazari<sup>37</sup> yang membicarakan tentang pengertian *al-rahnu*, hukum-hukum dan permasalahan yang berkaitan dengan pemanfaatan *al-rahnu*. Demikian juga kitab *Qalyubi wa 'Umayrah* karangan Qalyubi dan 'Umayrah yang membicarakan secara ringkas tentang *al-rahnu* dari hukum dan pensyariatannya.<sup>38</sup>

Kitab klasik lain yang turut membicarakan pengertian, hukum dan dalil-dalil *al-rahnu* ialah *al-Mughni*<sup>39</sup> yang dikarang oleh Ibn Qudamah, kitab *al-'Asybah wa al-Nazair Qawa'id wa Furu Fiqh al-Syafi'i*<sup>40</sup> yang dikarang oleh Imam al-Sayuti pula membicarakan keharusan *al-rahnu* menurut ulamak selain membicarakan tentang pengertian *al-rahnu*. Buku karangan *al-Kasani* iaitu *Bada'i al-Sana'i*<sup>41</sup> telah membicarakan tentang rukun-rukun, syarat-syarat sah *al-rahnu*, unsur-unsurnya dan permasalahan *al-rahnu* menurut ulama Hanafi manakala *Bidayat al-Mujtahid wa Nihayat al-Muqtasid*<sup>42</sup> karangan Ibn Rusyd pula membicarakan tentang makna *al-rahnu* dan dalil-dalil yang mengharuskannya.

Karya lain yang turut mengupas tentang *al-rahnu* ialah *Mughni al-Muhtaj*<sup>43</sup> yang dikarang oleh al-Syarbini al-Khatib dimana beliau membicarakan *al-rahnu* secara terperinci dari aspek pengertian, hukum-hukum, syarat-syarat serta permasalahan

---

<sup>37</sup> al-Jazari, Abi Bakr Jabir al-Jazari, *Manhaj al-Muslim, Kitab 'Aqa'id wa Adab wa Akhlaq wa Mua'amalat*, hlm. 309-311

<sup>38</sup> Imam Qalyubi dan 'Umayrah, *Qalyubi wa 'Umayrah*, hlm. 261-272

<sup>39</sup> Ibn Qudamah, Muwaffaq al-Din Abi Muhammad °Abd Allah bin Ahmad bin Qudamah, *al-Mughni*, hlm. 139-144

<sup>40</sup> al-Suyuti, Jalal al-Din Abdul Rahman al-Sayuti, *al-'Asybah wa al-Naza'ir fi Qawa'id wa Furu Fiqh al-Syafi'i*. hlm. 457-458

<sup>41</sup> al-Kasani, °Ala'al-din Abu Bakr bin Mas'ud al-Kasani, *Bada'i al-Sana'i fi Tartib al-Syara'i*, hlm. 135-152

<sup>42</sup> Ibn Rusyd, Abu al-Walid Muhammad Ibn Ahmad Ibn Muhammad Ibn Rusyd al-Hafiz, *Bidayat al-Mujtahid wa Nihayat al-Muqtasid*, hlm. 266-275

<sup>43</sup> al-Syarbini, Syams al-Din Muhammad bin Ahmad al-Khatib, *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'aniy Alfaz al-Minhaj*, hlm 121-292

yang berkaitan dengan *al-rahnu*. Perbincangan beliau banyak menumpukan kepada ulamak al-Syafi'i berbanding ulama-ulama mazhab lain. Terdapat banyak lagi kitab-kitab *turath*<sup>44</sup> lain yang memiliki autoriti dan dianggap karya asli yang boleh dijadikan sumber rujukan.

Antara karya kontemporari yang membincangkan tajuk *al-rahnu* daripada pelbagai mazhab pula ialah buku yang bertajuk *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*<sup>45</sup> yang ditulis Wahbah al-Zuhaili yang membincangkan secara terperinci tentang *al-rahnu* dalam tujuh perbahasan iaitu pengertian, pensyariatan dan rukun-rukun, hukum-hukum *al-rahnu* dan kesan-kesannya serta permasalahan penambahan *marhun* (barang gadaian) dan *marhun bih* (hutang), *ijab* dan *qabul* (lafaz gadaian) dan perbezaan pendapat antara *rahin* (penggadai) dan *murtahin* (pemegang gadai). Pengkaji telah memilih pendapat yang rajih tanpa terikat dengan mana-mana mazhab.

Selain itu buku yang bertajuk *al-Fiqh 'ala Madhahib al-Arba'ah*<sup>46</sup> ditulis oleh 'Abd Rahman al-Jaziri juga turut membincangkan tentang *al-rahnu* daripada pelbagai mazhab. Beliau telah membincangkan secara terperinci tentang rukun-rukun dan syarat-syarat *al-rahnu* serta mengkategorikan *al-rahnu* mengikut pandangan-pandangan ulama dengan mendalam.

Karya kontemporari lain yang turut membincangkan topik ini ialah *Fiqh al-Sunnah*<sup>47</sup> karangan al-Sayyid Sabiq yang membincangkan pengertian *al-rahnu* di samping dalil-dalil pensyariatan, syarat-syarat sah secara ringkas. Walau bagaimanapun beliau

---

<sup>44</sup> *Turath* ialah warisan, iaitu warisan khazanah ilmu Islam yang dikarang oleh para ulama mu'tabar yang terdahulu. Oleh itu mereka yang mewarisi *turath* ini dianggap sebagai ilmuan Islam.

<sup>45</sup> al-Zuhaili, Wahbah, *Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuhu*, hlm. 170-292

<sup>46</sup> al-Jaziri, 'Abd Rahman al-Jaziri, *al-Fiqh 'ala Madhahib al-Arba'ah*, hlm. 150-155

<sup>47</sup> al-Sayyid Sabiq, *Fiqh al-Sunnah*, hlm. 128-133

juga membincangkan masalah pemanfaatan *al-rahnu* oleh *al-rahin* dan *murtahin* serta pembatalan *al-rahnu*. Dalam buku ini juga beliau membincangkan prinsip *al-qard al-hasan* yang pernah diamalkan oleh Rasulullah s.a.w. serta dalil-dalilnya.

Kajian atau penyelidikan berkaitan *al-rahnu* di Malaysia juga bukanlah suatu perkara yang baru dalam dunia akademik. Terdapat beberapa kajian dari pelbagai sudut *al-rahnu* telah dilakukan oleh pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi untuk tujuan memperolehi ijazah pertama, sarjana dan doktor falsafah. Begitu juga dengan kajian yang dilakukan oleh golongan sarjana untuk tujuan pembentangan kertas kerja di pentas-pentas forum atau seminar peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Kajian oleh Rugayah Mohamed yang bertajuk “Hak dan Implikasi Perundangan Sistem Pajak Gadai di Malaysia” yang diterbitkan pada tahun 1986 oleh ANGKASA (Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia) dan Abdul Ghafar Ismail dan Nor Zakiah Ahmad yang bertajuk *Pawnshop as an instrument of microenterprise credit in Malaysia* yang diterbitkan pada tahun 1997 dalam *International Journal of Social Economics*, mendapati kegiatan pajak gadai amat bermakna bagi masyarakat dalam mendapatkan sumber kredit jangka pendek dengan cepat dan mudah. Dalam konteks *al-rahnu* pula ianya amat bermakna bagi masyarakat Islam yang terkeluar daripada pasaran kewangan formal.

Di samping itu terdapat juga disertasi diperingkat Sarjana yang membincangkan persoalan gadaian Islam seperti kajian dilakukan oleh Shamsiah Mohamad yang bertajuk *Pelaksanaan gadaian Islam di Institusi Gadaian Islam Di Malaysia: Kajian Kes di Muassasah Gadaian Islam Terengganu (MAIDAM)* diterbitkan pada tahun



1994 di Universiti Malaya. Kajian tersebut difokuskan kepada pelaksanaan gadaian Islam di MAIDAM untuk memastikan keselarasannya dengan konsep gadaian Islam yang sebenar dan membuat penilaian sejauhmana ia memenuhi objektif penubuhannya. Perbezaan dengan kajian ini ialah dari segi bilangan institusi kajian dan skop yang kajian yang lebih meluas dan melihat isu-isu terkini berkaitan dengan *al-rahnu*.

Dalam kajian peringkat Sarjana yang dilakukan oleh Wan Abd. Rahman Khudzri Wan Abdullah yang bertajuk *The Law Relating to al-rahnu in Islam:A comparative Study of Rahn in Terengganu* yang diterbitkan pada tahun 1995 di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, pengkaji telah mengemukakan perbandingan di antara pelaksanaan sistem gadaian Islam di MAIDAM, Kedai *al-rahnu* dan Skim *al-rahnu* Bank Rakyat. Selain daripada memastikan keselarasan pelaksanaan di institusi-institusi tersebut dengan konsep gadaian Islam yang sebenar kajian ini turut melihat aspek-aspek perundangan yang berkaitan terutamanya pemakaian Akta Pemegang Pajak Gadai 1972. Perbezaan dengan kajian ini ialah pengkaji melihat perbandingan secara holistik iaitu perbandingan dari aspek kepatuhan syariah dan modus operandi *al-rahnu*. Selain itu, persoalan persepsi pelanggan dan prestasi juga diketengahkan dalam kajian ini.

Kajian Sarjana oleh Kamarulzaman Sulaiman yang bertajuk “Institusi *al-rahnu* : Kaedah dan Strategi Pengurusan Ekonomi Islam di *al-rahnu* Kelantan” yang diterbitkan pada tahun 2001 di Universiti Kebangsaan Malaysia pula membincangkan tentang institusi *al-rahnu* sebagai kaedah dan strategi pengurusan ekonomi Islam di Kelantan. Kajian beliau mendapati *al-rahnu* mempunyai keupayaan dan kekuatan

menyuburkan instrumen ekonomi Islam dalam masyarakat Malaysia khususnya di Kota Bharu, Kelantan. Ia juga mengubah amalan gadaian masyarakat daripada konvensional kepada *al-rahnu* kerana kaedah dan strategi kerajaan negeri menginstitusikan *al-rahnu* dalam pengurusan yang lebih efektif. Kajian ini lebih memfokuskan perkembangan ekonomi Islam melalui mekanisme *al-rahnu* dan tidak mengkaji organisasi tersebut secara mendalam.

Kajian peringkat Sarjana oleh Mohd Fauzi Ab. Rahman yang bertajuk “Prospek dan potensi Skim Pajak Gadai Islam (*al-rahnu*):Kajian di Bank Rakyat” pada tahun 2001 di Universiti Malaya menggariskan beberapa ciri keistimewaan skim *al-rahnu* di Bank Rakyat yang membolehkan instrumen tersebut menjadi salah satu instrumen pembiayaan yang berdaya maju iaitu bebas daripada riba, kadar upah simpan barang gadaian yang rendah, kaunter khas yang tertutup, tempoh gadaian yang fleksibel, boleh menggadaikan semula barang gadaian yang sama, pemulangan baki hasil lelongan, struktur pentadbiran yang cekap dan tersusun dan rangkaian perkhidmatan cawangan yang luas meliputi seluruh negeri di Malaysia.

Suriani Sulong dalam kajiannya yang bertajuk “*al-Rahnu*:Teori dan amalannya di Bank Rakyat” yang diterbitkan pada tahun 2001 di Universiti Malaya mendapati skim *al-rahnu* bukan sahaja menarik minat masyarakat Islam bahkan golongan bukan Islam. Mereka tertarik kerana *al-rahnu* tidak mengenakan faedah dan menjamin kebajikan penggadai. Manakala kajian oleh Rohani Ismail yang bertajuk “Sistem Gadaian Islam: Sambutan Masyarakat terhadap Skim *al-rahnu* Bank Rakyat” pada tahun 2002 di Universiti Malaya mendapati antara sebab golongan bukan Islam turut tertarik untuk menggunakan gadaian Islam adalah kerana barang

gadaian lebih terjamin keselamatannya dan kadar upah simpan yang dikenakan adalah tidak membebankan.

Menurut kajian Wan Ab. Rahman Khudzri Wan Abdullah pada 2001 yang bertajuk “Faktor-faktor Pemilihan Terhadap Perkhidmatan Pajak Gadai Islam dan Konvensional: Kajian di pekan Jitra” yang diterbitkan di Universiti Utara Malaysia pula mendapati walaupun pajak gadai Islam mengikut syariat Islam, tetapi faktor perkhidmatan yang baik juga perlu diambil kira bagi meningkatkan kepuasan pelanggan yang membuat gadaian. Hal ini kerana kepuasan pelanggan yang diperolehi melalui perkhidmatan yang diberikan oleh institusi pajak gadai akan mempengaruhi kekerapan dan jumlah pelanggan yang membuat gadaian. Kajian ini ada persamaan dengan penyelidikan pengkaji iaitu melihat persepsi pelanggan tetapi melibatkan semua institusi gadaian Islam dan tidak melibatkan pajak gadai konvensional sebagai subjek kajian.

Kajian Sarjana oleh Safinar Salleh yang bertajuk “Sistem Gadaian Islam: Pengamalan dan Keberkesanan Operasinya di Negeri Perlis” pada tahun 2005 di Universiti Malaya mendapati faktor utama yang menjadi daya penarik skim ini ialah kadar upah simpan yang rendah, bebas daripada unsur riba, tempoh dan cara pembayaran balik yang munasabah serta ketelusan dalam pelaksanaan skim. Kajian Nafisah Mohammad et al. yang bertajuk “Analisis Skim *al-rahnu*: Satu Kajian Perbandingan dengan Pajak Gadai Konvensional” pada tahun 2004 di bawah geran Program Penyelidikan Mengikut Bidang Keutamaan (IRPA) turut mendapati *al-rahnu* juga berupaya membantu untuk meningkatkan taraf sosioekonomi golongan